

03/03/1999

Pelajar Malaysia catat sejarah anugerah emas

KUANTAN, Selasa - Seorang pelajar perubatan dari Malaysia mencatat sejarah di India apabila memenangi anugerah 19 pingat emas sepanjang pengajiannya selama tujuh tahun di Kolej Perubatan M S Ramayah, Universiti Bangalore.

Dr Chan Pek Lui, 25, dari Medan Tok Sira di sini, bukan saja menjadi pelajar asing pertama memenangi anugerah emas sebanyak itu, malah pelajar pertama di universiti itu sejak ditubuhkan 34 tahun lalu.

Beliau melanjutkan pelajaran di situ melalui biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selepas lulus cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 1990 dengan keputusan 9A1.

Kejayaan bekas pelajar Sekolah Menengah Tengku Afzan itu mendapat liputan meluas akhbar di India selepas menerima anugerah berkenaan dalam konvokesyen ke-34 universiti itu pada 22 Februari lalu.

Menurut Dr Chan yang ditugaskan di Jabatan Orthopedik di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) sejak 1 Disember lalu, beliau tiada rahsia khusus bagi mencapai kejayaan cemerlang dalam pelajaran kecuali belajar dengan serius.

"Setiap kerja yang dilakukan mesti dibuat bersungguh-sungguh supaya apa yang dihajat dapat dicapai," katanya ketika ditemui selepas menerima sijil penghargaan daripada Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin, bagi pihak kerajaan negeri di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan pengarah Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Pahang, Dr Pius Premaraj dan Timbalan Pengarah HTAA, Dr Kamariah Junuh.

Katanya, beliau tidak menjangka menerima anugerah 19 pingat emas kerana mengharapkan beberapa anugerah saja.

"Sebagai pelajar yang ditaja kerajaan, saya kini mempunyai tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada negara.

"Saya juga berterima kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tidak jemu-jemu memberi semangat kepada rakyat negara ini supaya bekerja keras bagi mencapai kejayaan," katanya.

(END)